

Empat **agensi** tangani monopoli

Mersing: Satu jawatan-kuasa dianggotai empat agensi dibentuk bagi menangani kebanjiran dan monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub

(**gambar**) berkata, empat agensi itu terdiri daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Menurutnya, menyedari masalah itu berlarutan sejak sekian lama, tindakan segera harus dilakukan supaya tidak menimbulkan keimbangan masyarakat awam khususnya mereka yang berurusan secara terus di dua pasar borong itu.

"Satu mesyuarat akan di-

adakan dalam tempoh terdekat bagi membincangkan langkah sewajarnya untuk mengatasi masalah ini.

"Banyak laporan yang diterima malah saya sendiri sudah membuat tinjauan dan mendapati hampir 90 peratus aktiviti perniagaan di dua pasar itu dimonopoli peniaga warga asing," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan projek Kluster Nanas Lestari Tanah Abang di sini, semalam.

Katanya, penguasaan warga asing terhadap aktiviti perniagaan di dua pasar borong itu amat tidak baik untuk negara di samping menekan pekebun-pekebun yang terpaksa menjual harga murah kepada mereka.

"Tiada lagi kompromi terhadap masalah seperti ini kerana ia umpama barah yang mampu merebak ke seluruh negara jika terus dibiarkan," katanya.

